

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

## PENGURUSAN BILIK DARJAH

Mohd Hasani Dali  
Universiti Utara Malaysia, Kedah  
&  
**Mohamad Johdi Salleh**  
**International Islamic University Malaysia**

### Pendahuluan

Bilik darjah merupakan medan perjuangan utama seorang guru menjalankan tugas, peranan dan tanggung jawab. Seseorang guru akan diklasifikasikan sebagai tidak melaksanakan tugas sekiranya amanah ini diabaikan walaupun beliau merupakan seorang juara masyarakat yang paling komited di luar bilik darjah atau di luar sekolah. Seseorang itu tidak akan dikatakan sebagai pemain jika sekadar duduk di luar padang walaupun mempunyai kemahiran sebagai juara. Sehubungan dengan itu, bilik darjah perlu diurus dengan keadaan terbaik dan kondusif agar pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan efektif serta guru boleh dinobatkan sebagai pendidik berketerampilan cemerlang.

Pada asanya, pengurusan bilik darjah merupakan kemahiran yang agak sukar dikuasai walaupun banyak teori dan teknik yang telah dipelajari oleh guru pelatih di universiti maupun di institut-institut perguruan. Sekiranya kemahiran ini dapat dikuasai dan dihayati oleh guru pelatih, proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan menjadi pengalaman yang menyeronokkan. Bilik darjah yang mempunyai pelajar-pelajar yang bertingkah laku baik menjadikan tugas pengajaran guru “*one of the most wonderful jobs in the world*” kerana setiap hari guru mengalami pelbagai pengalaman yang baru dan berbeza di bilik darjah.

Guru berpeluang melihat pelajar mereka mempelajari sesuatu yang baru setiap hari; berpeluang melihat kepuasan di wajah pelajarnya bila mereka mendapat ilmu yang mereka tidak pernah ketahui atau alami sebelum ini. Walau apapun pelajar kita tidak mudah melupakan guru yang baik, tetapi apakah sebenarnya maksud menjadi seorang “guru yang baik?” Salah satu ciri yang asas untuk menjadi guru yang baik adalah kemampuan mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Kemampuan mengawal tingkah laku pelajar menjadi sangat penting sekiranya seseorang guru mengajar di sekolah yang menghadapi masalah tingkah laku yang serius.

Fungsi utama anda sebagai seorang guru, adalah berusaha untuk memotivasi pelajar untuk belajar. Ini boleh berlaku sekiranya anda boleh membuat pelajar itu memberi sepenuh perhatian, berdisiplin dan bertingkah laku baik semasa sesi pengajaran anda. Setiap pelajar di sekolah memerlukan pendidikan yang baik yang boleh guru tawarkan. Menjadi tanggungjawab guru mencari jalan untuk mencapai matlamat ini. Di sesetengah sekolah mengurus dan mengawal tingkah laku para pelajarnya merupakan satu cabaran hebat yang perlu guru harungi bagi menjadikan pembelajaran dan pengajaran lebih kondusif di bilik darjah.

Guru-guru boleh mempelbagaikan kemahiran pengajaran dalam menjalankan tugas harian mereka di sekolah. Mereka perlu menjadi seorang yang pakar dalam subjek yang mereka ajar, dan juga mesti mempunyai kemahiran mengawal tingkah laku pelajar yang disruptif di bilik darjah agar proses pembelajaran dan pengajaran berlaku di bilik darjah.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

Guru-guru pelatih yang menjalani praktikum kerap kali dibiarkan mereka `sink or swim’ (Renard, 2003) dan ini mengakibatkan berlakunya kekecewaan dan kurang keyakinan di kalangan guru-guru pelatih dalam menghadapi realiti di bilik darjah.

Idea-idea dan nasihat yang diberikan berdasarkan “*common sense*” dan pemerhatian serta strategi yang telah berjaya diaplikasikan di bilik darjah. Harapan penulis agar artikel ini dapat menjadi sumber rujukan yang sangat berguna bagi guru pelatih untuk mereka mengaplikasikan idea-idea serta tips yang terdapat dalam teks ini apabila mengurus bilik darjah semasa mereka menjalankan tugas seharian.

### **Asas-asas kemahiran Pengurusan Bilik Darjah.**

Kebelakangan ini tentunya tiada siapa yang dapat menafikan bahawa kerjaya sebagai seorang guru banyak dibebani dengan pelbagai tugas yang rencam dan tidak profesional. Beban tugas yang dipertanggungjawabkan ini mungkin akan memberi beberapa implikasi positif dan negatif kepada kerjaya seorang guru khususnya guru pelatih. Apapun tugas yang perlu dilakukan, seorang guru, mereka haruslah bijak mengurus dan mengatur masa dalam memastikan segala tugas sampingan yang dipertanggungjawabkan ini tidak mengganggu tugas utama mereka mengurus bilik darjah dengan baik.

Menurut pendapat yang disuarakan oleh guru-guru pelatih, pengurusan bilik darjah merupakan komponen yang paling sukar untuk dikuasai walaupun banyak teori yang telah dipelajari dan banyak teknik yang telah cuba diaplikasikan. Masalah ini seolah-olah tiada penawar yang dapat menyelesaiannya secara pantas dan tuntas. Pengurusan bilik darjah termasuklah mengurus tingkah laku pelajar merupakan kemahiran yang hanya akan dicapai melalui pengalaman mengajar.

Perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh guru pelatih ialah bagaimana beliau akan mengurus bilik darjah pada hari pertama beliau melangkah masuk ke bilik darjah untuk mengajar. Para pelajar secara langsung akan terus menilai guru yang akan mengajar mereka. Bagi mereka guru tersebut merupakan individu yang begitu asing buat mereka dan mereka akan meneliti setiap gerak-geri guru pelatih tersebut sebelum mereka menunjukkan tingkah laku mereka yang sebenar. Sebagai seorang guru pelatih, anda perlu lebih bersedia dan merancang apakah yang akan anda lakukan pada kali pertama melangkah masuk ke dalam bilik darjah. Elemen-elemen ini merupakan sesuatu yang akan membantu anda sepanjang pengajaran semasa sesi praktikum selama tiga bulan yang akan anda kendalikan nanti.

Bagaimanakah penampilan yang sesuai bagi seorang guru pelatih? Perlukah guru pelatih tersebut menemui pereka fesyen ataupun mendapatkan pakaian baru di butik-butik terkenal? Jawapannya tentu sekali tidak. Seseorang guru pelatih perlu menampilkan imej yang kemas, menyakinkan, tenang dan profesional. Apa yang dimaksudkan di sini ialah guru-guru pelatih wanita tidak perlu mengenakan hiasan dan solekan yang berlebihan-lebihan dan bagi guru pelatih lelaki tidaklah terlalu kasual. Kronowitz (2004) mengatakan penampilan yang kemas dan profesional pada hari pertama seorang guru pelatih melangkahkan kaki ke sekolah akan membantu guru tersebut untuk lebih berkeyakinan untuk berhadapan dengan realiti di sekolah. Perlu diingat, sebelum guru mengurus pelajar, guru perlu mengurus dirinya terlebih dahulu.

Apabila melangkah masuk ke dalam bilik darjah pada kali pertama, guru pelatih perlu memulakan pertemuan tersebut dengan sesi perkenalan. Kronowitz (2004)

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

menyenaraikan tip-tip berikut yang amat ringkas bagi seorang guru pelatih untuk memulakan sesi perkenalan dengan pelajar di dalam bilik darjah iaitu “*remember the acronym WISHES – Welcome, Introduction, Share Hopes, Establish Standards, this is your formula for a good start on the first day*” (Kronowitz, 2004:148). Jelaslah di sini bahawa permulaan yang baik secara langsung akan membantu guru pelatih untuk mengurus bilik darjah dengan mudah dan lancar sepanjang sesi praktikum di sekolah.

Pengetahuan guru pelatih mengenai nama dan latar belakang pelajar akan dapat membantu mengeratkan lagi hubungan dengan pelajar sekaligus dapat membantu guru pelatih mengawal bilik darjahnya dengan baik dan cekap. Kaedah ini akan memudahkan guru pelatih untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan pelajarnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku ataupun ketika berurus di luar bilik darjah. Pelajar akan berasa bangga dan dihargai apabila mereka dipanggil oleh guru. Perkara ini amat jelas kepentingannya dan turut ditegaskan oleh Bartlett (2004), beliau menyatakan seorang guru perlu mengingati nama dan mengetahui latar belakang pelajar-pelajarnya. Secara tidak langsung akan menunjukkan guru itu mengambil berat terhadap kesemua pelajarnya di bilik darjah. Pelajar akan merasakan hubungan yang lebih rapat dan mesra dengan guru. Guru pula mampu mendekati pelajarnya, memilih teknik yang paling sesuai untuk mendidik dan seterusnya mendorong mereka untuk terus berusaha ke arah peningkatan kecemerlangan akademik serta sahsiah diri mereka.

Prosedur menetapkan peraturan di bilik darjah sangat penting sebagai garis panduan kepada tingkah laku pelajar di bilik darjah yang diharapkan oleh guru pelatih. Jelaslah untuk mengurus bilik darjah dengan baik, guru pelatih perlu menetapkan peraturan di bilik darjah yang telah dipersetujui bersama oleh pelajar sebagai satu kontrak yang dapat mengawal tingkah laku mereka. Antara contoh peraturan yang perlu diwujudkan ialah seperti peraturan mengenai apa yang perlu dilakukan oleh pelajar ketika guru mengambil kedatangan pelajar, penggunaan cecair pemadam, bagaimana prosedur menjawab pertanyaan guru dan juga peraturan khusus apabila aktiviti kumpulan dijalankan. Kontrak yang ditandatangani ini akan dirujuk sekiranya pelajar melakukan kesalahan. Robertson (1989) menyatakan guru pelatih perlu yakin, tegas dan mengetahui tentang haknya untuk bertindak dalam menguruskan tingkah laku pelajar di bilik darjah. Oleh itu, guru pelatih perlu tegas dan konsisten dengan apa yang telah ditetapkan dalam prosedur peraturan tanpa ada pengecualian kepada mana-mana pelajar. Guru juga perlu menjelaskan harapannya terhadap pelajar dan perkara-perkara yang tidak disukai dilakukan oleh pelajar.

Guru pelatih juga perlu membuat perancangan yang rapi berkaitan dengan susunatur di bilik darjah. Susunan yang baik seharusnya membolehkan guru memerhati semua pelajarnya dan seterusnya dapat mengendali bilik darjah dengan mudah. Ruang yang kerap digunakan sepatutnya tidak mempunyai sebarang bentuk halangan dan mudah dilalui. Pelajar juga perlu berada di dalam kedudukan yang selesa di mana mereka boleh melihat guru ataupun sebarang persembahan pengajaran oleh guru tanpa perlu berpaling ataupun bergerak ke mana-mana. Bahan yang kerap digunakan di dalam bilik darjah seperti buku rujukan dan kad kebenaran keluar bilik darjah sepatutnya ditempatkan di tempat yang mudah diambil apabila diperlukan.

Selain daripada itu, perhiasan yang tidak keterlaluan di dalam bilik darjah juga perlu difikirkan oleh guru untuk meningkatkan keceriaan bilik darjah dan seterusnya

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

meningkatkan motivasi dalaman guru dan pelajar untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Kronowitz (2004) mencadangkan agar guru menyediakan satu sudut yang boleh membantu pelajar mengisi masa yang terluang dalam satu suasana yang berbeza berbanding bilik darjah mereka tetapi masih mengekalkan budaya belajar pada ruang tersebut seperti perpustakaan mini. Ruang ini bolehlah dihiasi dengan hiasan yang ringkas dan unik agar pelajar merasa selesa dan tenang. Marsh (2004) turut memberikan idea yang sama dengan Kronowitz. Marsh (2004) mengatakan bahawa tindakan guru meletakkan tumbuhan ataupun binatang peliharaan seperti ikan atau burung di dalam bilik darjah akan membantu pelajar membina sikap bertanggungjawab dalam diri mereka melalui tugas mereka dalam menguruskan tumbuhan ataupun binatang peliharaan tersebut. Glenn (2001) menegaskan bahawa environmen bilik darjah yang ceria dan gembira akan mendorong ke arah pembelajaran yang lebih memberangsangkan.

Guru pelatih juga perlu membina dan menjaga hubungan baik dengan pelajar. Dalam menguruskan pelajar, guru pelatih perlu bersabar dan banyak bertolak ansur untuk memenangi hati pelajar agar pelajar akan menghormati guru sebagai pendidik mereka. Barbutta (2005) menyenaraikan beberapa kesilapan yang dilakukan oleh guru pelatih dalam mengendalikan tingkah laku pelajarnya. Beliau ada menegaskan bahawa pujian dari guru merupakan satu kaedah yang bernilai dan berkesan untuk membantu pelajar mengubah tingkah laku mereka seterusnya meningkatkan proses pembelajaran di bilik darjah. Menurut Model (2005) pula, pelajar yang tidak pernah dipuji tentang tingkah laku mereka yang positif, tidak akan mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengukir kejayaan di dalam pelajarannya. Spitall (2005) bersetuju dengan pandangan oleh Barbutta (2005) dan Model (2005) dengan menasihatkan guru pelatih agar mengelak daripada menggunakan sindiran ketika menasihati pelajar yang bermasalah. Jika seorang guru pelatih menggunakan sindiran untuk menegur kesilapan yang dilakukan oleh pelajarnya akan membawa hasil yang tidak diingini. Sindiran ini akan lebih mendorong pelajar untuk meneruskan kesilapan mereka sebagai balasan kepada sindiran guru terhadap perbuatannya.

Guru pelatih perlu akur dengan kenyataan ini kerana tanpa peneguhan, sikap positif yang dilakukan oleh seorang pelajar akan dianggap seperti tidak mendatangkan apa-apa faedah terhadap pelajar yang melakukannya. Menurut Glenn (2001), guru pelatih perlu menunjukkan contoh sikap yang baik kepada pelajar seperti mengambil berat, bertanggungjawab dan hormat-menghormati agar pelajar turut bertindak seperti apa yang guru mereka pamerkan.

Di samping persediaan fizikal, persediaan guru pelatih untuk mengurus subjek yang diajar juga memerlukan perhatian yang sepenuhnya agar tugas guru menjadi lebih lancar dan sempurna. Guru pelatih sangat perlu mengetahui dan memahirkan diri mereka dengan subjek yang akan diajar. Kandungan pelajaran juga perlulah disampaikan secara tersusun dan berperingkat-peringkat.

Watson (1998) menasihatkan agar guru-guru pelatih membuat perancangan yang rapi sebelum memulakan sesi pengajaran di dalam bilik darjah agar guru mengetahui apa yang akan diajar kepada pelajar. Guru pelatih sangat perlu memahirkan diri dengan segala isi kandungan subjeknya agar dapat mengajar dengan yakin seterusnya melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pelajar juga akan berasa lebih bersemangat untuk belajar kerana mereka melihat guru mereka sebagai

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

seorang berpengetahuan yang mampan untuk mengajar mereka tentang subjek itu. Sebagai contoh, seorang guru pelatih yang ingin mengajar subjek Matematik perlu mahir dengan semua rumus dan teori yang berkaitan dengan tajuk yang diajar agar guru dapat menyelesaikan apa jua bentuk permasalahan yang dikemukakan oleh pelajar.

Pelajar pintar akan cuba menguji guru pelatih dengan mengajukan pelbagai soalan untuk melihat setakat manakah kebolehan seorang guru untuk mengajar mereka. Selain itu, guru pelatih perlu memahirkan diri dalam menguruskan tugas, latihan dan ujian yang perlu dibekalkan kepada pelajar untuk mengukuhkan lagi apa yang telah diajar di bilik darjah. Guskey (2003) mengatakan bahawa penilaian merupakan satu aset penting yang dapat membantu guru pelatih meningkatkan proses pembelajaran pelajar. Chappuis dan Stiggins (2002) turut mengatakan bahawa penglibatan pelajar dalam ujian yang disediakan oleh guru mereka akan dapat menguruskan pembelajaran kendiri mereka seterusnya memahami bagaimana langkah yang perlu diambil untuk memantapkan lagi pembelajaran mereka.

Untuk melengkapkan kemahiran seorang guru pelatih, mereka perlu menitikberatkan ketrampilan penyampaian ketika memulakan sesi pengajaran di bilik darjah. Kemahiran set induksi merupakan kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh seorang guru pelatih dalam menarik minat serta merangsang pelajar supaya menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran yang akan disampaikan. Set induksi yang dijalankan ini perlulah menarik, bersesuaian dengan tahap pelajar dan berkaitan dengan isi pelajaran serta pengetahuan sedia ada pelajar. Kesannya, pelajar akan bersedia, aktif dan seronok dalam meneruskan aktiviti pembelajaran mereka.

Kemahiran menyoal meliputi teknik mengemukakan soalan kepada pelajar dan teknik penerimaan jawapan pelajar. Kemahiran menyoal boleh digunakan di setiap peringkat pengajaran; set induksi, perkembangan dan penutup pengajaran. Aras soalan yang dikemukakan perlulah bersesuaian mengikut umur, kebolehan dan pengalaman pelajar. Perkataan dan istilah yang digunakan juga mestilah ringkas, jelas, tepat, mudah difahami dan daripada topik yang telah dipelajari di bilik darjah. Apabila mengemukakan soalan, guru perlu memastikan pelajar dalam keadaan bersedia dan soalan tersebut perlu ditujukan kepada seluruh bilik darjah dan bukannya hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar tertentu sahaja. Bagi penerimaan jawapan pula, guru pelatih perlulah memberikan pujian jika pelajar berjaya memberikan jawapan yang betul dan meminta pelajar lain membantu jika pelajar tersebut gagal memberikan jawapan yang tepat. Penerimaan kepada jawapan yang diberikan secara beramai-ramai seharunya dielakkan atau dipandu-pantau dengan cermat.

Kemahiran pelbagai rangsangan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh guru untuk mempelbagaikan teknik penyampaian dalam menarik minat dan perhatian pelajar. Kemahiran ini meliputi kemahiran mengubah tingkah laku, suara dan stil pengajaran guru. Perubahan aktiviti pengajaran haruslah lancar dan berkaitan dengan langkah-langkah penyampaian isi pengajaran. Guru pelatih yang mampu menguasai kemahiran ini akan berupaya mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, menarik dan menyeronokkan.

Kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) merupakan satu kemahiran yang penting untuk dikuasai oleh seorang guru pelatih. BBM yang digunakan ini mestilah mampu memberikan rangsangan dan minat kepada pelajar di samping

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

mencetuskan idea pelajar berkenaan topik yang diajar oleh guru pelatih. Ia juga mestilah bersesuaian dengan objektif dan isi kandungan pelajaran, digunakan pada waktu yang sesuai dan maklumat yang ingin disampaikan melalui BBM tersebut mestilah jelas, ringkas, padat dan jitu. Kemahiran menerang merupakan satu proses untuk menyampaikan maklumat, konsep ataupun isi kandungan kepada pelajar dan kemahiran ini biasanya digunakan pada peringkat perkembangan proses pengajaran. Prinsip bagi kemahiran ini ialah penerangan yang diberikan perlulah sesuai, menggunakan bahasa yang sesuai, menggunakan BBM yang diuruskan secara berkesan dan berdasarkan pengetahuan pelajar.

Guru pelatih juga mestilah menggalakkan pelajar untuk bertanya agar pelajar dapat memahami konsep atau isi pelajaran dengan cepat, mudah dan tepat. Kemahiran pengukuhan pula digunakan oleh guru bagi mengubah tingkah laku pelajarnya. Bentuk pengukuhan perlulah berubah dari semasa ke semasa (secara lisan, gerak isyarat atau dampingan), bersesuaian dengan tingkah laku yang dilakukan oleh pelajar tetapi guru perlulah mengelak daripada menggunakan pengukuhan negatif. Kesan daripada penggunaan pengukuhan yang bersesuaian, pelajar akan lebih bersemangat dan berkeyakinan untuk mewujudkan tingkah laku yang positif sekaligus melahirkan satu hubungan yang mesra dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran penggunaan papan tulis boleh dibahagikan kepada kejelasan, susunan, penonjolan dan juga teknik persembahan. Kejelasan yang dimaksudkan di sini meliputi saiz tulisan yang sesuai, tulisan yang kemas dan lurus. Jika gambar atau rajah diperlukan, ia perlulah dilukis dengan jelas dan ringkas. Susunan pula meliputi pembahagian ruang yang sesuai pada papan tulis, dapat dilihat dengan jelas oleh seluruh bilik darjah dan nota-nota disusun secara sistematik di sekitar tajuk utama pengajaran. Penonjolan pula merujuk kepada penggunaan kapur warna yang sesuai dan menarik manakala teknik persembahan merupakan teknik yang digunakan oleh guru untuk memudahkan idea ataupun isi pengajaran dengan membentuk satu konsep ringkas melalui carta, peta minda atau gambar rajah. Guru pelatih juga boleh melibatkan pelajar dalam penggunaan papan tulis.

Kemahiran penutup boleh dilihat dari segi perkaitan kognitif dan sosial. Penutup perkaitan kognitif dilakukan oleh guru pelatih dengan mengaitkan kembali isi-isi penting dengan penutup pelajaran. Guru juga boleh mengadakan tugasan sebagai pengukuhan seterusnya mengadakan aktiviti susulan untuk memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai. Penutup perkaitan sosial pula dilakukan untuk menimbulkan rasa penguasaan dalam diri pelajar, membangkitkan rasa ingin tahu dan motivasi pelajar serta memberikan peneguhan positif kepada pelajar.

Kesimpulannya, terdapat banyak lagi pendekatan yang boleh dipraktikkan untuk mengurus bilik darjah. Segalanya bergantung kepada situasi yang akan dihadapi oleh guru dalam realiti dunia pendidikan ketika berhadapan dengan pelajar. Untuk mengurus bilik darjah dengan baik, guru memerlukan ketekalan, kesedaran tentang erti keadilan, semangat juang yang tinggi dalam memahami fasa psikologi dan tahap perkembangan pelajar, berfikiran terbuka dan bersedia untuk belajar dari kesalahan agar guru dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seterusnya kecemerlangan pelajar itu sendiri. Tangani segala apa yang berlaku di dalam bilik darjah dengan tenang, cepat, tegas dan fleksibel

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

bergantung kepada tahap pelajar yang diuruskan. Kesimpulannya, seorang guru pelatih perlulah bersedia sepenuhnya untuk melangkah masuk ke bilik darjah yang sebenar dengan melihat kepada keseluruhan aspek yang berkait rapat dengan bilik darjah dan pelajar yang akan diuruskan sepanjang sesi persekolahan nanti. Pengurusan bilik darjah yang cemerlang akan membantu dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seterusnya meningkatkan motivasi pelajar di dalam bilik darjah tersebut seterusnya melakarkan kejayaan yang diidamkan.

## **Asas pengurusan bilik darjah**

### **Apakah asas-asas pengurusan bilik darjah?**

Dalam bahagian ini, guru pelatih akan didedahkan dengan asas-asas pengurusan bilik darjah. Asas-asas pengurusan bilik darjah ini merupakan perkara-perkara yang perlu menjadi intuitif dalam stail pengajaran guru pelatih yang akan memberi implikasi positif dan mengalakkan pelajar bertenkah laku positif dan konsisten.

- i. **Ketegasan** “*Saya tahu apa yang saya mahu*”
  - ii. **Kepekaan** “*Saya tahu apa yang akan berlaku sekiranya saya tidak dapat apa yang saya kehendaki.*”
  - iii. **Tenang dan Konsisten** “*Saya sentiasa adil dan konsisten dengan pelajar saya.*”
  - iv. **Arahan yang jelas dan tepat** “*Tunjuk dan beritahu pelajar apa yang anda mahu atau harapkan daripada mereka.*”
  - v. **Berfikiran positif** “*Menekankan kepada perkara yang positif*”
- 
- i. **Ketegasan** ‘*Saya tahu apa yang saya mahu*’.

Ketegasan di bilik darjah bermaksud guru pelatih perlu bijak memperjelaskan ekspektasinya kepada pelajar. Para pelajar sentiasa menilai dan mudah mengesan kelemahan dan kurang keyakinan guru pelatih dalam pengajaran di bilik darjah. Dari mula guru pelatih melangkah masuk ke bilik darjah, guru mesti “mempamerkan rasa tidak gementar”. Guru pelatih perlu tegas dengan memperjelaskan prosedur dan peraturan di bilik darjah serta ekspektasi yang guru harapkan daripada pelajarnya. Ini sebagai isyarat kepada pelajar supaya mereka bertenkah laku seperti yang dikehendaki dan tidak memberi peluang kepada mereka untuk “melampaui garis peraturan” yang telah ditetapkan bersama. Sekiranya pelajar menunjukkan tingkah laku yang negatif, guru pelatih perlu melayan tingkah laku pelajar-pelajar ini dengan ketegasan, keadilan dan saksama..

Isu ketegasan guru pelatih di bilik darjah kerap ditimbulkan oleh para pelajar semasa di temu bual. Pelajar mengatakan sekiranya guru pelatih mempamerkan rasa kurang keyakinan dan nampak “gementar”, akan menyebabkan para pelajar rasa kurang hormat kepada guru pelatih. Oleh itu pelajar mahukan ketegasan dan kepastian daripada orang yang lebih dewasa dalam kehidupan mereka. Mereka mahu guru pelatih tegas dan menguatkuasakan peraturan di bilik darjah kerana ini akan memberi mereka rasa selamat dan dihargai semasa di bilik darjah.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

Strategi ini mungkin lebih sesuai digunakan bagi para pelajar yang tingkah laku mereka sukar dikawal ataupun mereka yang kurang mendapat perhatian dan layanan kasih sayang di rumah. Justeru itu mereka ingin menguji samada semua orang dewasa yang mereka temui benar-benar mengambil berat dan memberi perhatian terhadap mereka. Adakala guru-guru pelatih yang bertindak secara baik tetapi mendapat respon negatif dari pelajar dan masih lagi ingkar menurut arahan yang diberikan. Walaupun berhadapan dengan pelajar yang sebegini, kaedah-kaedah berikut boleh dicubatiru bagi mengatasi masalah ini.

Jadi apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ketegasan guru pelatih? Berikut adalah beberapa contoh yang boleh guru pelatih pertimbangkan untuk diaplikasikan di bilik darjah. Ketegasan guru pelatih meliputi dua aspek proses pengajaran dan pembelajaran yang selalunya menimbulkan masalah iaitu di:

- i. awal pengajaran dan,
- ii. akhir waktu pengajaran.

Guru pelatih berkemungkinan mempunyai kaedah tersendiri bagi mengatasai masalah ini tetapi boleh juga mencuba kaedah berikut sebagai satu alternatif lain.

### ***Semasa masuk ke bilik darjah***

#### **1. Bagaimanakah pelajar akan masuk ke bilik darjah?**

##### **Adakah mereka akan...**

- berbaris di luar, atau
- berada di dalam bilik darjah dan menunggu guru

Strategi pertama lebih sesuai diaplikasikan terhadap pelajar-pelajar yang tingkah laku mereka sukar dikawal. Dengan menyuruh mereka berbaris di luar guru pelatih boleh memantau pelajar-pelajarnya semasa mereka masuk ke bilik darjah. Kaedah ini secara tidak langsung mempamerkan ketegasan gaya kawalan guru pelatih. Bagaimanapun, strategi yang kedua lebih sesuai digunakan bagi pelajar-pelajar yang tidak banyak menimbulkan masalah tingkah laku dan mudah dikawal.

#### **2. Apa yang dilakukan oleh pelajar setelah mereka masuk ke bilik darjah?**

##### **Adakah mereka akan...**

- terus ke tempat duduk, keluarkan buku, alat tulis, buku latihan dan tunggu guru mengambil kehadiran atau guru mulakan pelajaran.
- kumpul semua peralatan yang mereka perlukan dan minta pelajar mulakan kerja dengan segera (contoh di makmal)?

Strategi pertama mempamerkan ‘kawalan’ guru pelatih untuk mengurus bilik darjah dan memulakan pengajaran. Strategi kedua pula dapat membantu guru pelatih untuk memulakan pengajaran dengan segera di bilik darjah yang sukar di kawal. Sekiranya guru pelatih telah merancang pengajarannya, strategi pertama mungkin merupakan strategi yang paling sesuai digunakan oleh guru. Sekiranya pelajar-pelajar di bilik darjah akan

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

melakukan kerja projek, mereka boleh diarahkan memulakan kerja projek mereka dengan serta merta. Ini akan memberi peluang, masa dan ruang bagi guru pelatih untuk mengurus sebarang masalah di bilik darjah dan memantau kelewatan pelajar masuk ke bilik darjah.

### ***Sesi pengajaran dan pembelajaran***

#### ***1. Bagaimana guru pelatih boleh memulakan pengajaran?***

##### ***Adakah dengan...***

- mengambil kedatangan,
- mengumpul kerja rumah,
- menerangkan hasil pembelajaran,

Guru pelatih boleh memilih untuk terus memulakan pengajaran, atau guru pelatih juga boleh menguruskan bilik darjah dahulu. Ini banyak bergantung kepada tahap kognitif pelajar di bilik darjah yang guru pelatih tersebut mengajar. Menyuruh pelajar menghantar buku latihan sebelum guru memulakan sesi pengajaran adalah **TIDAK SESUAI** digunakan apabila berhadapan dengan pelajar yang tingkah laku mereka sukar dikawal. Sekiranya pelajar tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan, guru pelatih akan alami konfrontasi dengan pelajar dan banyak masa terbuang bagi mengawal tingkah laku mereka. Masa yang sepatutnya digunakan untuk pengajaran terbuang begitu sahaja!

Mengambil kedatangan pelajar sebelum memulakan sesi pengajaran merupakan satu rutin/amalan yang positif. Dengan cara ini guru pelatih dapat mengesan pelajar-pelajar yang ponteng serta kesediaan mereka untuk mengikuti pengajaran guru di bilik darjah. Guru pelatih mesti memastikan bilik darjah dalam keadaan senyap dan terkawal sebelum guru memanggil nama pelajar. Ini merupakan satu kaedah kawalan bilik darjah yang dapat mewujudkan suasana yang kondusif sebelum pengajaran dimulakan. Perlu diingat bahawa kaedah ini mesti diamalkan secara konsisten dan jangan hanya digunakan pada awal tahun sahaja.

#### ***2. Bagaimana guru pelatih menamatkan pelajaran?***

##### ***Adakah dengan...***

- menyuruh pelajar keluar seorang demi seorang,
- menyuruh semua pelajar berdiri di kerusi dan menunggu guru keluar, dan
- terus meninggalkan bilik darjah apabila loceng berbunyi.

Sekiranya guru pelatih memilih strategi pertama akan membolehkan guru menahan dulu mana-mana pelajar yang guru pelatih ingin denda atau memberitahu sesuatu atas sebab-sebab tertentu. Mungkin guru pelatih ingin menasihat atau memarahi pelajar tersebut secara bersemuka tanpa memalukannya di bilik darjah.

Strategi kedua pula mempamerkan kawalan guru pelatih di akhir pengajaran. Tambahan pula guru pelatih dapat memeriksa samada terdapat sampah sarap di kawasan

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

lantai tempat pelajar. Sekiranya ada, pelajar mengutip dan membuangnya dengan sempurna ke dalam tong sampah yang disediakan.

Bagi strategi ketiga pula, guru pelatih berasa lega melepaskan kesemua pelajar bila loceng berbunyi. Situasi ini berlaku apabila guru pelatih mengajar di bilik darjah yang tingkah laku para pelajarnya sukar dikawal, namun disiplin perlu dikuatkuasakan.

### **iii. Kepakaan**

*“Saya tahu apa yang akan berlaku sekiranya saya tidak dapat apa yang saya kehendaki.”*

Apabila timbul sesuatu masalah tingkah laku di bilik darjah, guru pelatih perlu peka dengan apa yang akan berlaku seterusnya. Guru pelatih juga perlu tahu bagaimana untuk memperbetulkan situasi yang berkemungkinan timbul. Sekali lagi guru pelatih perlu mempamerkan ketegasannya. Guru pelatih perlu memastikan tingkah laku X akan menyebabkan pelajar tersebut di denda dengan Y dan seterusnya. Guru pelatih mesti menjelaskan tindakan yang akan dikenakan terhadap pelajarnya hasil daripada tingkah laku mereka yang negatif, sekiranya mereka tidak mengikut prosedur peraturan yang telah ditetapkan. Sekiranya pelajar mencabar atau mempersoalkan tindakan guru, cuba ambil langkah-langkah berikut:

- tunjukkan ketegasan anda tentang bagaimana anda mahu mereka bertingkah laku di bilik darjah. Tiada kompromi terhadap perilaku disruptif.
- tunjukkan anda sentiasa tenang dan tegas berprinsip setiap masa.
- jangan sesekali menunjukkan emosi kemarahan anda tetapi berikan arahan dengan tepat dan jelas.
- nyatakan ekpektasi anda secara jelas kepada pelajar.
- nyahkan segala kekeliruan yang timbul, sekiranya ada.
- dendaan yang diberikan bukan berlandaskan balas dendam, irihati atau serangan peribadi tetapi fokus kepada tingkah laku mereka yang anda tidak ingini serta melanggar peraturan yang ditetapkan.
- pilihan terakhir ialah anda perlu berikan dendaan atau hantar terus kepada guru disiplin untuk menyelesaikan masalah pelajar tersebut.

### **iii Tenang dan Konsisten**

*“Saya sentiasa adil dan konsisten dengan pelajar saya.”*

Boleh dikatakan semua pelajar minat dan suka kepada guru pelatih yang sentiasa tenang (cikgu cool) dan konsisten dalam tindakannya di bilik darjah. Justeru itu guru pelatih pula mengharapkan sikap dan tingkah laku pelajarnya di bilik darjah adalah konsisten. Sekiranya ekspektasi dan konsistensi terhadap pelajarnya hilang maka reaksi yang sukar akan timbul dan guru pelatih menjadi tertekan serta marah. Memang tidak mudah bagi mana-mana guru pun untuk mempamerkan rasa tenang dan konsisten dalam semua tindakannya di bilik darjah setiap hari. Kadangkala akibat rasa letih dengan beban

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

tugas di sekolah guru bertindak agak agresif terhadap insiden-insiden tingkah laku yang disruptif. Tidak hairanlah kerana guru pelatih juga seorang manusia yang punya perasaan. Walau bagaimanapun, konfrontasi yang serius akibat karenah para pelajar ini dapat dielakkan sekiranya guru pelatih dapat mempamerkan rasa tenang dan konsisten setiap masa. Bertenang juga dapat mengelakkan anda dari mengalami stres.

Isu layanan samarata di bilik darjah selalu ditimbulkan oleh para pelajar dalam temu bual dengan mereka. Para pelajar menyatakan, mereka tidak diberi layanan yang adil di bilik darjah oleh sesetengah guru pelatih. Walaupun mereka hanya melakukan kesalahan yang kecil sahaja tetapi secara spontan guru pelatih akan menunding jari atau menuduh serta memarahi mereka tanpa bersebab. Bagi mereka ‘guru yang dibenci’ mempunyai pelajar kesayangannya di bilik darjah. Justeru, guru-guru perlu peka dan sensitif tentang persepsi pelajar terhadap mereka. Sebagai guru pelatih, kita memang mempunyai pelajar yang kita suka atau sebaliknya di bilik darjah kita. Tetapi cuba elakkan daripada mempamerkan perasaan atau tingkah laku suka atau benci kita terhadap pelajar-pelajar tertentu di bilik darjah. Perlu ingat, para pelajar sentiasa memerhati tingkah laku guru pelatih di bilik darjah. Perasaan cemburu kerana tidak mendapat perhatian dari guru mungkin timbul dan ini akan merencat hubungan guru pelatih dengan pelajar dan di antara pelajar dengan pelajar.

Satu lagi isu yang tidak kurang pentingnya disuarakan oleh para pelajar semasa ditemu bual ialah berkaitan dengan dendaan atau dendaan yang dikenakan ke atas mereka. Bagi mereka, guru pelatih yang mendenda seluruh bilik darjah kerana kesalahan segelintir pelajar adalah sangat tidak adil. Perasaan tidak puas hati mereka ada benarnya. Bagi mereka apakah rasionalnya guru mendenda ke semua pelajar di bilik darjah kerana kesalahan beberapa individu pelajar sahaja?

Sekarang cuba perhatikan beberapa situasi yang memerlukan guru pelatih sentiasa tenang dan konsisten dengan para pelajarnya.

### ***Bagaimanakah caranya guru pelatih:***

- ***mengurus pengajarannya:*** Adalah sangat penting guru pelatih mempunyai stil pengajaran yang konsisten. Stil pengajaran guru pelatih yang konsisten membolehkan pelajar mengikuti pengajaran guru di bilik darjah dengan berperingkat-peringkat. Dengan stil pengajaran guru yang konsisten dan tenang akan memberi peluang kepada pelajar anda mengetahui apa yang dapat diharapkan dari anda setiap kali anda melangkah masuk ke bilik darjah mereka. Sekiranya keperluan pelajar dipenuhi oleh anda secara konsisten, pelajar anda akan berasa selamat bersama anda dan akan memberi kerjasama serta dapat mempertingkat pencapaian akademik mereka.
- ***berinteraksi dengan pelajar:*** Pendekatan guru pelatih yang tenang, konsisten setiap kali pelajar berinteraksi dengan guru akan mewujudkan suasana yang harmonis di bilik darjah. Secara tidak langsung pelajar akan lebih bersedia untuk mengikuti pengajaran guru pelatih kerana mereka biasa dengan corak atau struktur pengajaran guru pelatih setiap kali guru tersebut melangkah masuk ke bilik darjah mereka. Sebaliknya, jika ‘mood’ guru pelatih sentiasa berubah-ubah, pelajar akan jadi keliru kerana tidak dapat mengjangkau corak atau struktur

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

pengajaran guru. Oleh itu seboleh-bolehnya guru pelatih cuba mempamerkan mood yang baik setiap masa walaupun agak sukar!

- **mendenda pelajar:** Cuba guru pelatih laksanakan dendaan dengan cara yang tenang terhadap pelajar bagi mengelakkan rasa ‘tertekan’ apabila cuba mendisplinkan mereka. Tetapi guru pelatih perlu ingat dan pastikan dendaan yang dilaksanakan mestilah adil dan konsisten. Cuba elakkan mendenda pelajar yang baik dengan dendaan yang ringan berbanding dengan pelajar yang nakal. Setiap pelanggaran peraturan di bilik darjah akan dikenakan dendaan yang setimpal dan konsisten dengan kesalahan yang dilakukan. Walaupun begitu guru pelatih perlu juga fleksibel/luwes dalam situasi tertentu sekiranya cuba mendisplinkan pelajar yang nakal.

#### iv. Arahan yang jelas dan tepat

*“Tunjuk dan jelaskan apa yang anda harapkan daripada mereka.*

Dalam kehidupan kita seharian, kita mempunyai rutin atau struktur tertentu yang memberikan kita perasaan selesa dalam mengatur serta mengawal kehidupan kita. Bagi kebanyakan pelajar yang bertingkah laku negatif, rutin atau struktur ini tidak wujud dalam kehidupan/dunia mereka. Di rumah, ibubapa atau penjaga mereka tidak menetapkan peraturan dan sentiasa ‘mengubah tiang gol’, seperti mengenakan dendaan yang tidak konsisten dalam setiap kesalahan yang sama dilakukan.

Sekolah pula bagi mereka merupakan tempat yang selamat, tempat di mana para pelajar belajar berinteraksi dengan orang yang dewasa. Bagi mereka orang dewasa di sekolah ialah guru-guru. Oleh itu guru pelatih perlu menunjukkan teladan serta membimbing mereka bertingkah laku yang boleh diterima masyarakat.

Jadi, bagaimakah anda sebagai guru pelatih dapat memberi peluang dan kesedaran kepada pelajar anda yang mereka mesti mempunyai struktur dalam kehidupan mereka? Apa yang perlu dilakukan oleh guru pelatih ialah menjelaskan hasil pembelajaran serta ekspektasi tinggi terhadap para pelajarnya. Pengajaran guru pelatih mestilah berstruktur, bukan sahaja kandungan subjek tetapi juga bagaimana guru mengurus dan mengawal tingkah laku pelajar di bilik darjah. Sekiranya guru pelatih mempunyai corak pengajaran yang jelas, kejelasan corak pengajaran guru perlu diperaktikkan di bilik darjah. Sekarang mari kita lihat beberapa aspek corak pengajaran yang anda boleh kelolakan secara berstruktur:

#### *Bagaimakah guru pelatih...*

- **memulakan dan menamatkan sesi pengajaran:** Sekiranya corak pengajaran guru pelatih bermula dan berakhir secara konsisten (sama sahaja) setiap kali pengajaran di bilik darjah, para pelajar anda akan secara otomatis melaksanakan arahan tanpa disuruh. Secara langsung para pelajar anda telah memahami corak pengajaran anda, dan dengan ini memudahkan kerja anda.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

- **mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran:** Apa yang paling penting sekali semasa sesi pengajaran di bilik darjah, ialah bagaimana guru pelatih dapat mengelola pengajaran secara konsisten. Contohnya, apabila guru pelatih memberi arahan menghendaki pelajar melakukan kerja tulis secara senyap atau pelajar mesti mengangkat tangan sekiranya mereka ingin bertanya. Oleh itu guru pelatih perlu memberi arahan dengan jelas dan tepat.
- **dapat mencapai hasil pembelajaran:** Sekiranya para pelajar bermotivasi untuk belajar, guru pelatih perlu jelaskan kepada mereka bagaimana pengajaran akan dikelolakan dan apakah hasil pembelajarannya. Guru pelatih perlu menjelaskan apa yang akan berlaku semasa waktu pengajaran. Pelajar-pelajar sepatutnya faham kenapa mereka perlu belajar semua ini. Cara yang paling mudah untuk mencapainya ialah dengan menjelaskan hasil pembelajaran (learning objective) pada pemulaan pengajaran guru pelatih. Ingat! guru pelatih perlu sentiasa ulangi hasil pembelajaran sepanjang sesi pengajarannya. Dengan cara ini, pelajar-pelajar mempunyai idea yang jelas dan dapat mengikuti corak pengajaran guru dengan berkesan.
- **menilai hasil kerja pelajar:** Selain daripada mahir mengenai isi dan kepentingan subjek yang diajar, guru pelatih juga perlu menjelaskan ekspektasinya terhadap pelajar dalam subjek anda. Dalam temu bual dengan pelajar, salah satu cara yang efektif menyatakan ekspektasi ialah guru pelatih selalu menyatakan:
  - kerja ini **MESTI** anda lakukan
  - kerja ini **PERLU** anda lakukan
  - kerja ini **BOLEH** anda lakukanDengan membahagikan kerja kepada tiga kategori, para pelajar mempunyai matlamat yang jelas untuk dicapai. Pelajar yang berkebolehan akan dapat menyiapkan ketigatiga kategori kerja rumah yang guru berikan. Bagi para pelajar yang kurang berkebolehan mereka tahu kategori mana yang boleh mereka siapkan untuk mengelakkan dendaan dari guru.
- **mengetahui apakah yang telah mereka capai semasa sesi pengajaran:** Sememangnya guru pelatih berpuashati sekiranya pelajar-pelajarnya dapat mencapai ekspektasi yang diharapkan setelah berpenat lelah menyampaikan pengajarannya. Sekiranya pelajar-pelajarnya jelas memahami isi pengajarannya, mereka akan bertingkah laku secara positif dan akan menanti-nanti waktu pengajaran guru pelatih di bilik darjah.

#### v. Berfikiran positif

“*Berfikir kepada perkara yang positif*”

Guru-guru pelatih biasa mendengar klise yang berbunyi ‘pamerkan sikap yang positif’. Bagi guru-guru pelatih yang kurang berpengalaman, mereka kerap kali memuji pelajarnya secara berlebihan untuk cuba mengambil hati pelajar supaya mereka ‘menyebelahi atau menyukai’ guru pelatih. Ini merupakan satu kesilapan besar yang dilakukan oleh guru-guru pelatih.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

Sekiranya guru pelatih hanya meletakkan pengharapan yang rendah atau sederhana terhadap pelajarnya, maka secara tidak langsung para pelajar kita pun akan mencapai tahap yang rendah atau sederhana. Sebaliknya, jika guru pelatih meletakkan pengharapan yang tinggi terhadap pelajarnya maka mereka akan cuba untuk mencapai tahap tinggi yang guru pelatih tetapkan sebaik mungkin. Berfikiran positif bukan hanya setakat memberi pujian kepada pelajar tetapi juga tentang perspektif yang positif semasa guru pelatih bersama pelajarnya di bilik darjah. Memuji hanya jika perlu dan kemampuan mempamerkan fikiran yang positif akan banyak membantu guru pelatih untuk mengawal tingkah laku pelajar. Bahkan cara ini juga akan dapat mengurangkan stres guru pelatih di bilik darjah.

Berikut adalah beberapa cara atau tips bagi guru pelatih untuk mempamerkan sikap positifnya terhadap pelajar:

- ◆ nyatakan segalanya dalam cara yang positif;
- ◆ cuba elakkan menuduh pelajar secara melulu atau mengkritik mereka;
- ◆ jangan sekali-kali menyindir, melabel atau bersifat sinis terhadap pelajar;
- ◆ cadangkan altenatif lain yang positif terhadap tingkah laku yang negatif;
- ◆ puji dan beri penghargaan secara individu bagi memotivasi pelajar anda di bilik darjah;
- ◆ sentiasa letakkan pengharapan yang tinggi dan berikan beberapa alternatif lain untuk mempertingkatkan kemajuan pelajar.

Sekarang mari kita cuba analisis dua contoh dalam situasi yang sama, apabila guru pelatih hendak memulakan sesi pengajaran di bilik darjah. Kedua-dua situasi ini menunjukkan perbezaan antara pendekatan yang berbentuk negatif dan positif.

### Pendekatan negatif

#### Situasi 1

*“Oii...cepat sikit...(ambil mengetuk meja) keluarkan buku kamu! Kenapa awak semua lembab sangat ni...lambat macam kura-kura? Cepat sikit...cepat sikit, banyak kerja yang kita nak buat hari ini, kalau awak semua lembab macam ni...macam mana kita nak siapkan kerja kita. Apa kena awak semua hari ini? Kenapa bising sangat macam murai tercabut ekor?”*

Situasi 1 di atas menggambarkan bagaimana guru pelatih berkomunikasi dengan pelajarnya secara negatif. Pelajar dimarahi kerana lambat mengeluarkan buku kerja. Secara langsung guru pelatih telah mewujudkan suasana negatif di bilik darjah terhadap kerja sekolah yang akan dilakukan dengan menyalahkan pelajar. Seterusnya guru pelatih menggunakan dua negatif komen yang menunjukkan pelajar kurang berdisiplin. Akhirnya, dengan menggunakan dua komen yang negatif ini memberi gambaran yang pelajar bertingkah laku negatif. Memulakan sesi pengajaran secara negatif, ekspektasi positif pelajar terhadap guru amat sukar dicapai.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

## Pendekatan positif

### Situasi 2

*“Baiklah pelajar semua, sila masuk secepat mungkin tetapi jangan berebut-rebut, saya ada sesuatu kerja yang menarik untuk anda semua lakukan hari ini. Kita akan mulakan secepat mungkin supaya kita dapat selesaikan sebelum masa tamat. Anda boleh berbincang dengan kawan-kawan anda tetapi pastikan jangan terlalu bising. Bagus...sekarang cuba perlahankan lagi suara anda semasa berbincang.*

Dalam situasi 2, guru pelatih menggunakan pendekatan berbentuk positif tanpa menyalahkan pelajar. Guru pelatih memberi arahan bagaimana beliau mengkehendaki pelajar masuk ke bilik darjahnya. Guru pelatih mewujudkan perasaan minat dan ingin tahu dengan menyatakan ada sesuatu kerja yang ‘menarik’ yang dirancangkan untuk mereka. Seterusnya guru pelatih memuji semua pelajar dan memberi cabaran supaya mereka boleh merendahkan nada suara mereka. Dengan memulakan sesi pengajaran dengan cara ini, guru pelatih mewujudkan suasana yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Demi memastikan suasana positif dan konstruktif, guru pelatih perlu bergerak di sekeliling bilik darjah atau kumpulan dengan membuat tunjuk-ajar atau interaksi positif. Jangan sekali-kali guru pelatih duduk di bangku guru untuk memeriksa tugas pelajar atau perkara lain semasa berlangsung proses pengajaran dan pembelajaran. Elakkan sama sekali daripada duduk di atas meja guru atau meja pelajar atau meletakkan kaki di atas bangku.

## Bagaimana mengurus bilik darjah pada pertemuan pertama?

### Kenapa pertemuan pertama sangat penting?

Melangkah masuk kali pertama ke bilik darjah memberi peluang kepada guru pelatih untuk menjadi seorang guru yang dapat mengurus bilik darjah dengan efektif ataupun langkah pertama menemui kegagalan untuk mengurus bilik darjah. Semua guru pelatih sedar betapa gementarnya kali pertama melangkah kaki masuk ke bilik darjah kerana tahu apa yang mereka lakukan pada pertemuan pertama ini akan membawa kesan jangka panjang. Kebiasaannya pertemuan kali pertama di antara guru dan pelajar mempunyai perasaan berhati-hati. Guru pelatih mungkin akan menjangkakan pelajar-pelajar yang tegar akan bertingkah laku negatif: manakala pelajar pula akan menjangkakan guru tidak akan suka kepada mereka sekiranya mereka tahu guru-guru lain bersikap negatif terhadap mereka.

Dengan beberapa bilik darjah yang guru pelatih perlu mengajar, beberapa perjumpaan awal guru dengan pelajar akan memberikan ‘masa berbulan madu’, di mana pelajar-pelajar akan cuba mengenali dan menilai guru pelatih dengan lebih dekat, sebelum mereka menunjukkan tingkah laku mereka yang sebenar. Sekiranya guru pelatih menghadapi pelajar-pelajar sebegini di bilik darjah, pastikan pertemuan kali pertama anda dengan mereka tidak bersikap terlalu relak. Jika guru pelatih bersikap terlalu relak, mereka akan mula mengambil kesempatan terhadap guru pelatih dan mula bertingkah laku negatif kerana mereka tidak takut dan tidak menghormati anda. Lebih malang lagi sekiranya para pelajar suka mengganggu dan bertingkah laku negatif terhadap guru pelatih.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

Sekiranya berlaku jangan teragak-agak mendapat bantuan serta sokongan dari guru-guru lain di sekolah.

### **Apakah yang perlu anda tahu sebelum pertemuan pertama dengan pelajar?**

Guru pelatih berada dalam keadaan dilema apabila mula melapor diri untuk sesi praktikum mereka bermula. Pihak pengurusan sekolah mengharapkan mereka untuk mengajar dan mengawal pelajar-pelajar yang langsung guru pelatih tidak kenali. Ini mengakibatkan guru-guru pelatih berkecenderungan untuk belajar melalui kesalahan, menghadapi dan menyelesaikan masalah apabila timbul daripada menjangkakan masalah yang akan timbul.

Memang pada awal sesi praktikum, guru-guru pelatih amat sibuk mengendalikan bilik darjah, membuat perancangan pengajaran dan pelbagai lagi tugas yang telah dirancang oleh pihak sekolah dan penyelia masing-masing. Walau bagaimanapun adalah sangat penting bagi guru pelatih perlu meluangkan masa untuk merancang aktiviti semasa pertemuan pertamanya dengan para pelajar di bilik darjah. Apakah yang perlu guru pelatih membuat penyediaan awal sebelum melangkah masuk ke bilik darjah buat kali pertama? Berikut adalah beberapa tips dan idea untuk guru pelatih pertimbangkan sebelum ke bilik darjah buat kali pertama.

### **Cari maklumat tentang pelajar anda**

Disarankan supaya guru pelatih seboleh-bolehnya cuba dapatkan maklumat tentang setiap pelajarnya sebelum melangkah masuk ke bilik darjah buat pertama kali. Dengan berbekalkan maklumat berkaitan pelajar, akan memberikan guru pelatih kelebihan kerana guru telah mengenali mereka secara tidak langsung. Sebaliknya pelajar-pelajar masih tidak mengenali tentang diri guru. Kaedah ini akan memberikan guru pelatih kelebihan psikologi yang membolehkan guru tenang dan berkeyakinan berhadapan dengan pelajar di bilik darjah buat kali pertama. Berikut adalah beberapa jenis maklumat yang dirasakan sangat berguna untuk anda:

- ◆ ***masalah tingkah laku yang mungkin timbul:*** Adakah terdapat pelajar yang suka menimbulkan masalah di bilik darjah yang perlu guru pelatih awasi. Guru pelatih perlu pastikan samada ada atau tidak pelajar yang terkenal dengan bertingkah laku disruptif di bilik darjah anda? Sekiranya ada, pastikan tanda-tanda awal tingkah laku negatif mereka dapat ditangani dengan cepat supaya tidak merebak. Sekiranya guru pelatih telah ‘mengenali mereka’, secara tidak langsung akan menyebabkan mereka ‘mati kutu’, dan guru pelatih boleh mengawasi mereka dan melihat tanda-tanda awal tingkah laku yang negatif. Kadang-kadang pelajar-pelajar yang bermasalah ini berasa bangga dengan ‘reputasi’ tingkah laku mereka. Dengan mengetahui ‘reputasi’ mereka, guru pelatih secara tidak langsung memberitahu mereka yang guru peka dengan apa yang berlaku di bilik darjah. Guru pelatih juga boleh memberi peluang kepada mereka untuk mengubah tingkah laku dengan menegaskan yang guru akan hanya menilai bagaimana mereka bertingkah laku serta kerjasama yang diberikan.
- ◆ ***keperluan pembelajaran:*** Guru pelatih perlu prihatin dan peka di bilik darjah. Selidiki samada terdapat pelajar yang tidak mempunyai masalah tingkah laku tetapi

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

masih ketinggalan dari aspek kurikulum di bilik darjah? Berkemungkinan pelajar sebegini ada keperluan pembelajaran yang tidak dapat dipenuhi oleh guru pelatih. Guru pelatih pula tanpa banyak pengalaman menganggap pelajar sebegini mempunyai masalah tingkah laku. Contohnya, pelajar yang mempunyai masalah menulis dan membaca tidak akan dapat menyiapkan kerja tulis yang diberikan guru pelatih. Sekiranya guru menyalah anggap pelajar ini sebagai pemalas, guru pelatih gagal memenuhi keperluan pembelajaran mereka dan besar kemungkinan mereka akan menimbulkan masalah disiplin di bilik darjah.

- ◆ ***keperluan fizikal:*** Guru pelatih perlu peka dan prihatin di bilik darjah sekiranya terdapat pelajar yang mempunyai masalah pendengaran atau kekurangan keupayaan fizikal. Walaupun halangan keperluan fizikal ini bukanlah resipi untuk pelajar bertingkah laku disruptif tetapi peranan guru sangat penting bagi mengelakkan memalukan pelajar sebegini. Contohnya pelajar yang mempunyai masalah pendengaran tidak akan menurut arahan yang guru berikan kerana pelajar tersebut tidak dapat mendengar dengan jelas. Oleh kerana guru pelatih tidak peka akan keadaan pelajar tersebut maka guru pelatih akan melabelkan pelajar tersebut sebagai kurang ajar. Guru pelatih perlu prihatin dengan keadaan pelajar dan elakkan daripada meninggikan suara terhadap pelajar tersebut. Bagi persepsi pelajar, apabila guru pelatih meninggikan suaranya bermakna guru menengking mereka dan memarahi mereka.
- ◆ ***ingat nama pelajar:*** Mengingati nama pelajar merupakan elemen yang sangat penting bagi mengurus dan mengawal bilik darjah. Memanggil nama pelajar-pelajar pada pertemuan pertama memberi impak yang sangat besar terhadap pelajar. Para pelajar akan berasa bangga apabila guru pelatih memanggil mereka dengan nama tanpa diberitahu oleh pelajar lain walaupun baru pertama kali masuk ke bilik darjah.

Sekiranya guru pelatih dipertanggungjawabkan untuk mengajar pelajar-pelajar di bilik darjah terkebelakang, elakkan berfikiran negatif, buruksangka dan salah tanggap terhadap pelajar-pelajar di bilik darjah tersebut. Salah tanggap terhadap pelajar sebegini adalah tidak adil bagi mereka. Pelajar-pelajar yang mempunyai reputasi buruk di sekolah langsung tidak diberi peluang untuk berubah. Bahkan sekiranya diberi peluang, guru mungkin terkejut dengan kebolehan mereka sebenar. Beri peluang kepada mereka dan guru pelatih perlu berfikiran positif dan baiksangka.

### **Stail pengajaran anda**

Sebelum guru pelatih melangkah masuk ke bilik darjah buat kali pertama, guru pelatih perlu membuat keputusan tentang stail pengajarannya. Adakah anda akan menjadi seorang guru yang ‘**tegas tetapi menyeronokkan**’ dengan mempelbagaikan teknik pengajaran, menjadikan pengajaran menarik dan menyeronokkan. Atau sebaliknya, anda ingin menjadi seorang guru yang ‘**garang dan menakutkan**’, yang memaksa pelajar belajar dan tidak fleksibel langsung.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

Setiap guru mempunyai stil pengajaran masing-masing yang dikutip melalui pengalaman tetapi perlu diingat guru-guru pelatih perlu membuat modifikasi mengenai stil pengajaran mengikut tahap kognitif pelajar. Guru-guru yang berpengalaman dalam mengurus tingkah laku pelajar akan cuba mengadaptasi stil pengajaran mereka berdasarkan tahap kognitif pelajar, umur pelajar, personaliti dan sebagainya.

Terdapat pelbagai aspek yang berbeza berkaitan dengan stil pengajaran guru pelatih di bilik darjah. Persepsi pelajar terhadap guru pelatih banyak bergantung dengan stil pengajaran anda. Berikut adalah beberapa idea berkaitan stil guru pelatih yang selalu dinilai dan diperhati oleh para pelajar:

- **personaliti guru pelatih:** Pastikan guru berpakaian kemas dan menarik. Elakkan berpakaian secara kasual dan selekeh. Tanya diri anda samada anda sudah bersedia bertemu dengan pelajar untuk memulakan pengajaran atau anda masih lagi berasa gementar, kaku dan mudah marah (panas baran) apabila di bilik darjah? Sekiranya guru pelatih ingin pelajar di bilik darjahnya bertingkah laku baik, guru perlu menjaga personalitinya dan perlu memberi tanggapan yang baik kali pertama guru pelatih bertemu dengan pelajarnya.
- **layanan terhadap pelajar:** Adakah guru pelatih menganggap semua pelajar adalah sama, atau anda lebih ‘baik’ dari mereka? Adakah guru pelatih menghormati mereka dan berbual dengan mereka secara sopan walaupun mereka kasar dan tidak bersopan dengan anda? Ingat, apabila guru pelatih mendisiplinkan pelajar, semua pelajar sedang memerhatikan dan menilai guru. Cara guru pelatih menangani masalah di bilik darjah memberi indikator bagaimana mereka akan bertingkah laku terhadap anda di masa hadapan.
- **memulakan dan menamatkan pengajaran:** Adakah sesi pertama pengajaran anda dimulakan dan ditamatkan dengan tenang dan terkawal? Atau, anda kesuntukan masa dan menamatkan pengajaran dengan tergesa-gesa. Adakah anda meletakkan pelajar dalam suasana yang kondusif dan tumpuan sebelum memulakan pengajaran? Adakah para pelajar memberi fokus dan berpengalaman positif dengan pengajaran anda? Bagaimana anda memulakan dan menamatkan pengajaran adalah elemen penting bagaimana anda dapat mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku pelajar.
- **kaedah pengajaran anda:** Adakah pengajaran anda dikelolakan dengan menarik, berperingkat-peringkat, ada cabaran dan menyeronokkan? Memang sukar untuk merancang dan mengelolakan pengajaran yang menarik tetapi anda perlu cuba dan kesannya amat berbaloi. Sekiranya pelajar anda tertarik dengan kaedah pengajaran anda, secara langsung mereka akan menunjukkan minat untuk belajar. Mereka sentiasa menunggu-nunggu kedatangan anda ke bilik darjah.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

- ***pengurusan dan pengawalan bilik darjah:*** Adakah anda seorang guru pelatih yang ‘*garang dan menakutkan*’, selalu menengking pelajar setiap kali melangkah masuk ke bilik darjah? Atau adakah anda seorang guru pelatih yang ‘*tegas dan adil*’, mengawal pelajar melalui kekuatan personaliti anda? Atau, adakah anda menyapa mereka dengan baik, dengan suara yang perlahan dan berasa tiada keyakinan dan kesungguhan. Bersikap terlalu relak akan memberi ruang kepada pelajar secara tidak langsung akan menyebabkan anda hilang kawalan bilik darjah kerana pelajar tidak takut dan hormat anda. Ingat, pelajar-pelajar anda menilai bagaimana anda dapat mengurus bilik darjah anda pada pertemuan pertama.

**Apakah yang guru pelatih perlu lakukan semasa pertemuan pertama dengan pelajar?**

#### **Tetapkan corak pengajaran anda**

Rasa gementar serta stres merupakan pengalaman yang sukar dilupakan oleh guru pelatih bila pertama kali melangkah masuk ke bilik darjah. Jarang sekali guru-guru pelatih berasa seronok mengajar sekumpulan pelajar yang guru tidak kenali atau apa akan terjadi seterusnya di bilik darjah. Oleh itu guru pelatih perlu merancang dan mempunyai struktur/corak dalam mengelolakan pengajarannya. Guru pelatih perlu mengawal dan konsisten dalam mengurus bilik darjah serta pengajaran di bilik darjah. Terdapat pelbagai cara/kaedah guru pelatih boleh menstruktur pengajarannya dan cara yang terbaik ialah dengan mengaitkan pengajaran guru dengan pengalaman sedia ada pelajar.

#### **Kaedah mengingati nama pelajar**

Bila guru pelatih cuba untuk mengawal tingkah laku pelajar tanpa mengenali nama pelajar, mereka berada dalam keadaan yang sukar dan tidak menyebelahi mereka. Berdasarkan pengalaman sebagai guru, saya selalu dapati, para pelajar mengambil kesempatan terhadap guru yang tidak mengetahui nama mereka. Mudah bagi pelajar mempermudahkan guru kerana anda tidak mengenali nama mereka. Sukar bagi anda untuk melaksanakan dendaan atau untuk melapor tingkah laku disruptif pelajar kepada guru disiplin sekolah. Terdapat pelbagai kaedah yang anda boleh belajar untuk mengingati nama pelajar di bilik darjah anda dengan mudah dan cepat. Berikut adalah beberapa cadangan yang boleh digunakan oleh guru-guru pelatih sebelum pertemuan pertama dengan pelajar di bilik darjah.

- ***pelan duduk pelajar:*** Bukan sahaja menggunakan pelan duduk pelajar untuk mengingati nama pelajar tetapi juga sebagai salah satu cara untuk mempamerkan kawalan bilik darjah. Isu mengenali dan mengingati nama pelajar merupakan isu yang kerap ditimbulkan oleh pelajar semasa ditemu bual. Bagi mereka, sekiranya guru pelatih dapat mengingati nama pelajar adalah guru yang baik dalam mengurus dan mengawal bilik darjah.
- ***sistem memori:*** Sistem ini merupakan satu asset bagi guru pelatih, terutamanya apabila cuba mengingati nama pelajar. Idea utama dalam sistem memori ini ialah

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

dengan menggunakan ‘perkaitan’ (hooks), mengaitkan nama pelajar dengan perkara lain. Contohnya, guru pelatih mungkin mempunyai pelajar yang bernama Abdullah, kaitkan dengan nama Perdana Menteri Malaysia atau ada pelajar anda yang bernama Siti, fikirkan tentang Siti Nurhaliza. Mudahkan.

- ***buat catatan dalam senarai kedatangan:*** Mencatat sesuatu pada senarai nama pelajar juga memudahkan guru pelatih mengingati nama-nama mereka. Lihat betul-betul samada pelajar anda mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan pelajar lain di bilik darjah seperti yang memakai cermin mata tebal atau ada tahi lalat besar di mukanya. Buat catatan ringkas bagi menolong anda mengingati nama pelajar tersebut berdasarkan cirri-ciri kelainan pada mereka. Tetapi ingat, elakkan mencatat sesuatu yang boleh memalukan pelajar kerana berkemungkinan catatan di senarai nama pelajar dilihat oleh guru atau pelajar lain.
- ***tetapkan matlamat:*** Mengajar pelajar yang ramai dan berbeza-beza, terutamanya di sekolah menengah, mengingati nama pelajar merupakan satu cabaran yang berat. Guru pelatih perlu menetapkan matlamat untuk mengingati nama-nama pelajar. Setiap kali anda masuk mengajar, cuba tetapkan matlamat anda untuk mengingati tiga hingga lima nama pelajar. Saya percaya dalam masa beberapa minggu anda dapat mengingati semua nama-nama pelajar anda.

Guru mudah sangat mengenali pelajar-pelajar yang bertingkah laku disruptif di bilik darjah berbanding dengan pelajar-pelajar yang pendiam. Akibatnya, guru pelatih langsung tidak mengenali dan mengingati nama pelajar-pelajar yang ‘baik’ dan pendiam di bilik darjahnya. Ini merupakan kesilapan yang ramai guru pelatih lakukan dan sangat memalukan. Cuba kenali dan beri tumpuan terhadap pelajar-pelajar yang sebegini di bilik darjah pada pertama kali bertemu dengan mereka.

### Tetapkan sempadan

Bagaimana guru pelatih dapat menetapkan sempadan di antara anda dengan pelajar-pelajar. Pertemuan pertama dengan pelajar anda memberi anda kesempatan dan ruang menetapkan sempadan serta prosedur bilik darjah di antara anda dengan para pelajar. Sekiranya anda telah menetapkan sempadan serta prosedur di bilik darjah, pastikan anda ikuti secara konsisten setiap kali di bilik darjah. Kesannya pelajar secara otomatis akan mengikuti prosedur yang telah anda tetapkan bila didapati anda mengikutinya secara konsisten.

### Pamerkan “stail pengajaran” anda

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, guru pelatih perlu memberi mesej yang jelas stail pengajarannya sebagai guru. Stail merupakan satu konsep yang kabur tetapi merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan kejayaan guru pelatih sebagai pengurus bilik darjah yang baik. Jangan lupa, guru pelatih berseorang diri di hadapan bilik darjah dengan lebih 80 puluh biji mata memerhati guru mengajar. Jadikan sesi

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

pertama pengajaran anda dikelolakan dengan baik dan menarik, seperti pelakon hebat mempersesembahkan lakonannya!

### **Mengurangkan stres pada pertemuan pertama**

Perlu ingat, bagi pelajar-pelajar anda juga ini merupakan pertama kali mereka bertemu dengan anda. Oleh itu mereka tidak mengenali anda. Lainlah sekiranya anda telah lama mengajar di sekolah berkenaan para pelajar telah mengetahui reputasi anda, khususnya jika anda pernah mengajar abang atau kakak mereka sebelum ini. Sebagai guru pelatih di sebuah sekolah, anda mungkin merupakan seorang guru lelaki atau wanita yang ‘misteri’, entiti individu yang tidak dikenali dan menjadi minat pelajar untuk mengetahui mengenai diri anda.

Keyakinan guru pelatih mudah luntur sekiranya pelajar-pelajar anda beringkah laku negatif, lebih-lebih lagi kali pertama guru pelatih memulakan pengajaran. Di bawah ini terdapat beberapa tips bagi guru mengurangkan stres kali pertama melangkah masuk ke bilik darjah:

- ***tenang dan relak:*** Sekiranya pelajar-pelajar nampak guru pelatih kelihatan tertekan dan gementar akan memberi ruang kepada mereka untuk beringkah laku negatif pada anda di masa-masa akan datang. Reaksi atau tindakan mendadak dari anda itulah yang pelajar mahu kerana berjaya membuat anda marah. Walaupun sesukar manapun (dan memang sukar), anda mesti bertenang. Tarik nafas anda dan kawal emosi anda.. Hadapi masalah tersebut dengan tenang.
- ***bertindak mengikut fikiran:*** Sekiranya anda stres, kebiasaannya anda akan bertindak mengikut emosi daripada menggunakan fikiran. Buat keputusan berdasarkan fikiran anda. Jangan melayan emosi anda secara melulu kerana anda akan menyesal kemudian.
- ***jangan jadi defensif:*** Sentiasa ingatkan diri anda yang segala tindakan anda bukan berbentuk personal/peribadi. Sekiranya pelajar menganggu pengajaran anda, jangan bertindak secara agresif dan berbentuk negatif. Kaedah yang paling baik ialah ‘menyerang’ tindakan pelajar itu secara positif dengan penuh ketegasan.
- ***ikuti ‘pengurusan asas bilik darjah dan tingkah laku’:*** Ingat **TIGA** asas pengurusan tingkah laku yang utama – **’TEGAS, PEKA, TENANG dan KONSISTEN’**.  
dan sekiranya semua menemui kegagalan...**INGAT**
- ***kita tidak sempurna:*** Hadapilah realiti sebenar di bilik darjah. Yakinkan diri yang anda boleh menjadi seorang pendidik yang baik walaupun pengajaran pertama anda diganggu oleh sekumpulan pelajar. Jangan takut, anda tidak akan digagalkan oleh penyelia anda. Anda masih lagi mempunyai banyak masa untuk memenangi hati mereka.

Mohd Hasani Dali & **Mohamad Johdi Salleh** (2009). ‘Pengurusan Bilik Darjah’. Dalam Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9.

## Kesimpulan

Jelaslah bahawa pengurusan bilik darjah merupakan tugas penting yang memerlukan pengetahuan, kemahiran, kesabaran dan komitmen yang optimum bagi memperoleh kesan yang maksimum. Harus diingat bahawa guru pelatih perlu mendapat maklumat secukupnya tentang bilik darjah dan pelajar-pelajarnya terlebih dahulu sebelum menjakkan buat pertama kali ke dalam bilik darjah berkenaan. Persediaan JERISAH (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosialisasi, Alam, Hamba-Allah) guru pelatih yang lengkap akan membolehkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan jaya, ceria dan cemerlang.

## Bibliografi

- Barbetta, P. M., Norona, K. L. & Bicard, D. F. (2005). Classroom Behavior Management: a Dozen Common Mistakes and What to Do Instead. *Preventing School Failure*. 49(3), 11-19.
- Bartlett & Thomas. (2004). Taking Control of the Classroom. *Chronicle of Higher Education*. 51(4). <http://web5.epnet.com/citation>
- Chappuis, S. & Stiggins, R. J. (2002). Classroom Assessment for Learning. *Educational Leadership*. 60(1). 40-43. <http://web5.epnet.com/citation>
- Glenn, R. E. (2001). What Teachers Need to Be. *Education Digest*, 67(1), 19-21. <http://web5.epnet.com/citation>
- Guskey, T. R. (2003). How Classroom Assessments Improve Learning. *Educational Leadership*. 60(5), 6-11. <http://web5.epnet.com/citation>
- Kronowitz, E. L. (2004). *Your First Year of Teaching and Beyond : 4<sup>th</sup> Edition*. Boston : Allyn & Bacon.
- Marsh, C. (2004). *Becoming a Teacher : Knowledge, Skills and Issues 3<sup>rd</sup> Edition*. Australia : Prentice Hall.
- Robertson, J. (1989). *Effective Classroom Control : Understanding Teacher-Pupil Relationships 2<sup>nd</sup> Edition*. London : Hodder & Stoughton.
- Spitall, S. J. (2005). The DON’TS of Student Discipline. *Education Digest*, 70(5), 28-31. <http://web5.epnet.com/citation>
- Watson, G. (1998). *Classroom Discipline Problem Solver : Ready-to-Use Techniques & Materials for Managing All Kinds of Behavior Problems*. New York : The Center For Applied Research In Education.